



---

### **Pemuda PAS ajak Pemuda UMNO berdebat - satu sandiwara**

Isu SAR (Sekolah Agama Rakyat) telah sering dibualkan dimana sahaja dan menjadi topik hangat di kedai-kedai kopi politik. Isu SAR telah diperjelaskan oleh Kerajaan - kenapa Kerajaan SAR. Semua orang kampung dah tahu tektik PAS untuk mendoktrinkan pengikut-pengikut mereka melalui pengelibatan SAR. Tak perlulah nak berselindung di sebalik wajah-wajah kecil sedemikian.

PAS sebenarnya telah ketandusan idea untuk berhadapan dengan pesaingnya, iaitu UMNO. Ketua Pemuda Mahfuz Omar seperti "telah mati pucuk" keterampilannya sebagai Ketua Pemuda PAS. Kredibilitinya sebagai Ketua Pemuda yang sedikit masa dulu begitu menonjol tetapi kini telah hilang taringnya. Apakah sebenarnya yang edang di fikirkan oleh Mahfuz untuk membawa PAS ke era kecemerlangannya sebelum bersekongkol dengan DAP?

Secara jelas dan lagi bersuluh, semenjak Mahfuz memimpin Pemuda PAS tidak banyak yang telah dilakukannya tetapi lebih banyak menimbulkan masalah demi masalah dan sehingga kini masih lagi tidak kehabisan. Mahfuz bukan sahaja telah ketandusan idea telah telah "mampus" idea dan mati pucuknya tidak mampu menegang lagi.

Mahu tidak mahu Mahfuz akan menjadikan atau mempolitikkan apa sahaja isu semata-mata untuk kepentingan beliau dan dapat mengembalikan keyakinan Pemuda PAS dan memperakuinya sebagai pemimpin muda yang berkaliiber. Oleh itu isu SAR telah dipoltikkan dan beliau ditonjolkan sebagai "hero" PAS yang dikagumi.

Inilah sandiwara murah yang sering dimainkan oleh Mahfuz Omar - Ketua Pemuda PAS. Perkataan "debat" sememangnya telah sinonim dengan gaya hidup Mahfuz. Justeru itu, Pemuda UMNO tidak perlu melayani sebarang karenah yang diketengahkan oleh PAS kerana ia semata-mata akan memerangkap UMNO sendiri. Tetapi kalau ada pemimpin UMNO yang ingin menunjukkan kelantangannya secara individu atau peribadi, biarlah ..... biarlah ....

Apa yang lebih penting ketika ini, sememangnya PAS telah hilang hala-tujunya kerana tidak ada isu-isu besar yang mampu diketengahkan bagi meyakinkan rakyat bahawa PAS boleh memimpin rakyat Malaysia